

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis
DARIPADA : Tuan Mansor bin Othman [Nibong
Tebal]
SOALAN : Tuan Mansor bin Othman minta **MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**
menyatakan:
aktiviti-aktiviti Program Agropreneur Muda
serta status pencapaian pelaksanaannya
semenjak Program ini dilaksanakan oleh
Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Program Agropreneur Muda yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sejak September 2013 telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada belia-belia yang berminat dalam sektor pertanian dan industri asas tani. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan kursus jangka pendek berdasarkan sub sektor (tanaman, perikanan, ternakan dan industri asas tani);
- ii. Menyediakan khidmat nasihat teknikal dan kewangan;
- iii. Melaksanakan siri Jelajah Agropreneur Muda ke setiap negeri (program turun padang bagi mengenal pasti usahawan dalam bidang pertanian);

- iv. Melaksanakan siri Seminar Agropreneur Muda;
- v. Menyertai program-program yang dianjurkan oleh Kementerian-kementerian, jabatan-jabatan Kerajaan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi mempromosi Program Agropreneur Muda; dan
- vi. Menyediakan bantuan modal dalam bentuk pinjaman dan geran kepada agropreneur muda yang layak.

Sehingga 31 September 2016, seramai 1,739 golongan muda telah menerima bantuan geran daripada Kementerian dan pinjaman menerusi Agrobank dan TEKUN Nasional dengan nilai keseluruhan berjumlah RM55.69 juta.

Kementerian akan mempergiatkan lagi promosi untuk menarik lebih ramai golongan belia bagi menceburi sektor pertanian dan dijadikan sebagai satu pilihan kerjaya yang mampu menjana pendapatan tinggi melebihi RM5,000 sebulan.